

# Minggu Keselamatan (OSH Week) UiTM CPP

Disediakan oleh: Nor Aimi Abdul Wahab & Marina Mokhtar

Minggu keselamatan (OSH Week) UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berlangsung selama dua minggu bermula pada 13 Oktober 2021 sehingga 22 Oktober 2021. Program dengan tema “Sama-Sama Selamat, Sama-Sama Sihat” anjuran Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri (JKKPN) UiTM Cawangan Pulau Pinang ini diadakan bertujuan untuk membudayakan amalan kerja selamat di UiTM Cawangan Pulau Pinang. OSH Week ini dianjurkan selari dengan penganjuran OSH week di peringkat kebangsaan.

Antara pengisian OSH Week ini adalah beberapa sesi webinar berkaitan dengan keselamatan yang dilangsungkan secara dalam talian selaras dengan kepatuhan SOP norma baharu. Staf Jabatan Sains Gunaan telah terlibat secara langsung sebagai penceramah dalam sesi webinar tersebut. ChM Nor Aimi Abdul Wahab berkongsi ilmu menerusi webinar bertajuk “Chemical Register”, manakala webinar “Chemical Hazard & Refresh HIRARC” pula disampaikan oleh ChM Marina Mokhtar. Penganjuran OSH Week ini diharap dapat menggalakkan budaya kerja selamat di kalangan staf UiTM Cawangan Pulau Pinang

